

FELDA HOLDINGS BHD

(Bahagian Perolehan, Tingkat 3, Balai Felda, Jalan Gurney 54000 Kuala Lumpur)

SYARAT-SYARAT UNTUK PEMBAHARUAN, PENAMBAHAN BIDANG, KENAIKAN GRED DAN PERUBAHAN MAKLUMAT SYARIKAT

1. PEMBAHARUAN

- 1.1 Permohonan untuk memperbaharui pendaftaran hendaklah dibuat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum luput tempoh sah laku pendaftaran.
- 1.2 Setiap pembaharuan pendaftaran dikenakan bayaran proses dalam bentuk Wang Kiriman/Wang Pos/Bank Deraf atas nama Felda Holdings Bhd dan di serahkan semasa sesi temuduga/dihantar ke alamat seperti di atas.
- 1.3 Permohonan yang diterima kurang dari tiga puluh (30) hari sebelum tarikh luput pendaftaran, **bayaran tambahan** akan dikenakan.
- 1.4 Perakuan pendaftaran adalah sah bagi tempoh dua (2) tahun kecuali permohonan tersebut dibatal, digantung atau ditarik balik oleh Felda Holdings Bhd.

2. PENAMBAHAN BIDANG

- 2.1 Vendor boleh menambah bidang utama dan sub-bidang kerja selepas **ENAM (6) BULAN** menerima Sijil Pendaftaran Vendor. Penambahan bidang dibenarkan hanya **SEKALI** dalam tempoh sahlaku sijil pendaftaran.
- 2.2 Vendor boleh memohon untuk tambahan bidang dengan mengisi borang BTV-03(A). Salinan dokumen pengalaman kerja berkaitan dengan bidang yang dipohon hendaklah disertakan.
- 2.3 Untuk penambahan bidang Kejuruteraan vendor perlu sertakan salinan sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB yang dimiliki oleh syarikat berkenaan.
- 2.4 Untuk penambahan bidang Pertanian vendor perlu sertakan salinan sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) seperti berikut:-

Kepala VI	Pembangunan Hutan Dan Tanah	
	Sub-Kepala 1	Penyediaan & Penyelenggaraan Tapak Semaian
	Sub-Kepala 2	Kerja-kerja Pembersihan Hutan & Penyediaan Tanah
	Sub-Kepala 3	(a) Kerja-kerja Penanaman & Penyelenggaraan Pokok (b) Kerja-kerja Penanaman Semula & Penyelenggaraan Pokok
	Sub-Kepala 4	Kerja-kerja Memungut & Mengangkut Hasil Tanaman
	Sub-Kepala 5	Kerja-kerja Pemulihan Hutan
	Sub-Kepala 6	(a) Kerja-kerja Seni Taman (b) Kerja-kerja Penanaman Benih Berair
	Sub-Kepala 7	Jalan Hutan
	Sub-Kepala 8	Kerja-kerja Am Pertanian

- 2.5 Permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran proses bagi setiap penambahan Bidang Utama dan Sub-bidang yang dimohon.
- 2.6 Sijil Asal Pendaftaran vendor hendaklah dipulangkan bersama dengan permohonan yang dimajukan kerana sijil baru akan dikeluarkan.

3. PERUBAHAN GRED (Bidang Kejuruteraan & Pertanian)

- 3.1 Vendor boleh memohon untuk perubahan gred sediaada dengan mengisi borang BTV-03(A). Salinan dokumen pengalaman kerja berkaitan dengan bidang yang dipohon dan salinan penyata kewangan tiga (3) bulan terkini hendaklah disertakan.
- 3.2 Sijil Asal Pendaftaran vendor hendaklah dipulangkan bersama dengan permohonan yang dimajukan kerana sijil baru akan dikeluarkan.

4. PERUBAHAN BUTIRAN MAKLUMAT SYARIKAT

- 4.1 Vendor hendaklah memaklumkan kepada Felda Holdings Bhd apabila terdapat sebarang perubahan nama syarikat, modal, pengalaman, pemilikan, Ahli Lembaga Pengarah atau pengurusan firma dalam tempoh 30 hari dari tarikh perubahan butir-butir berkenaan dibuat.
- 4.2 Sila kemukakan borang-borang berkaitan iaitu Borang 9, 13, 24 & 49 (untuk Sdn Bhd/Bhd) yang disahkan oleh Setiausaha Syarikat sebagai bukti perubahan/pindaan.
- 4.3 Sekiranya permohonan yang dikemukakan melibatkan pengeluaran sijil pendaftaran baru maka pemohon akan dikenakan bayaran proses sebelum sijil tersebut dikeluarkan.

5. PENGELUARAN SEMULA SIJIL PENDAFTARAN

Sekiranya sijil pendaftaran asal hilang/rosak, vendor boleh memohon untuk mendapatkan sijil pendaftaran baru untuk menggantikan sijil pendaftaran yang hilang/rosak. Bayaran pemprosesan akan dikenakan.

6. SALINAN SIJIL PENDAFTARAN

Mana-mana vendor yang memerlukan salinan sijil pendaftaran bagi urusan pengambilan borang tender yang disyaratkan oleh Syarikat Kumpulan Felda boleh memohon kepada Felda Holdings Bhd.

7. BAYARAN PEMROSESAN

BIL	JENIS	BAYARAN (RM)	KAEDAH
1.	Pendaftaran Baru	50.00	Dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Deraf atas nama Felda Holdings Bhd
2.	Pembaharuan	50.00	
3.	Denda Lewat Pembaharuan	30.00	
4.	Pengeluaran Sijil Baru (jika hilang/rosak)	30.00	
5.	Penambahan Bidang Utama/Sub-bidang/Perubahan Gred	30.00	
6.	Salinan Sijil Pendaftaran	10.00	